

Berita Harian MALAYSIA

SELASA, 21 MAC, 1978

Faedah Dasar Ekonomi Baru

TIMBALAN Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata bukanlah tujuan Dasar Ekonomi Baru hendak menjadikan setiap orang kaya raya. Dasar itu, katanya bertujuan mengurangkan ketidakseimbangan di antara berbagai kaum dan membasmi kepapaan.

Menurut Dr. Mahathir, matlamat Dasar Ekonomi Baru itu ialah supaya purata ramai rakyat akan mendapat faedah dari pelaksanaannya.

Adalah benar bahawa dasar itu bukan bertujuan hendak menjadikan setiap orang kaya, kerana jika itulah tujuannya, maka tentulah dasar itu cuba mencapai sesuatu yang mustahil.

Tidak ada dasar yang pernah digubah oleh manusia dapat menjadikan setiap rakyat kaya. Sebabnya ialah kerana karakter manusia sendiri, ada yang rajin, ada yang malas, ada yang kuat bekerja berbelas jam sehari dan ada yang sanggup bekerja lima enam jam sehari sahaja.

Kecaman Timbalan Perdana Menteri terhadap golongan manusia yang mengkritik Dasar Ekonomi Baru kononnya menguntungkan segelintir Bumiputera sahaja juga adalah tepat.

Golongan pengkritik ini terdapat di peringkat bawah dan di peringkat atas juga, pandai mencari kesalahan dan membuat tuhum terhadap perkara-perkara yang mereka kurang mengetahui.

Memanglah dapat dilihat segelintir Bumiputera telah mendapat faedah dari Dasar Ekonomi Baru, mereka yang ke sana sini dengan kereta Mercedes atau Volvo, ke pejabat berhawa dingin dan kerusi empuk.

Tetapi bukan semua mereka itu berjaya. Yang kerap dilihat ialah yang berjaya sahaja. Ada sebilangan yang telah "gugur" di tengah jalan. Sementara itu ada ramai lagi, berganda kali lebih ramai dari yang dilihat itu, juga telah dapat meninggikan taraf hidup mereka, dapat menikmati faedah Dasar Ekonomi Baru, sekadar mereka belum mampu berkereta Mercedes atau berpejabat yang mempunyai alat hawa dingin.

Dengan mendakwa bahawa Dasar Ekonomi Baru itu menguntungkan segelintir Bumiputera sahaja, maka pihak yang membuat dakwaan itu hanya memperlihatkan iri hatinya. Malangnya mereka hanya nampak yang segelintir itu, tetapi tidak nampak berpuluh-puluh ribu lagi yang telah menikmati faedah dasar itu.

Ramai lagi boleh mendapat faedah dari Dasar Ekonomi Baru itu, tetapi peluang-peluang yang terbuka tentu akan terlepas jika yang hendak merebutnya langsung tidak mempunyai sedikit sebanyak pengetahuan dan kecergasan.

Bumiputera seluruhnya tidak harus iri hati terhadap sebilangan di antara mereka yang telah berjaya dan kaya raya itu. Jika tidak kerana Dasar Ekonomi Baru, bukan sahaja golongan "atasan" ini tidak akan muncul, tetapi golongan pertengahan yang ramai telah mendapat faedah dari dasar itu pun tidak akan timbul. Dengan lain-lain perkataan, seluruh masyarakat Bumiputera akan duduk pada takuk lama juga, melainkan seorang dua yang bernasib baik dapat memanjat ke atas.